

U GR 20-05 00134 RA657

Aah

Mahathir - Kabinet

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah mengadakan mesyuarat Kabinet di Kuching pada Rabu ini bertujuan merapatkan hubungan antara Kerajaan Pusat dengan Sarawak.

Perdana Menteri berkata Kerajaan Pusat sentiasa berusaha untuk merapatkan lagi hubungannya dengan Sarawak dan juga Sabah.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja di sini, beliau berkata kerajaan tidak mempunyai sebarang matlamat tertentu bagi mengadakan mesyuarat itu di Sarawak.

Perdana Menteri telah ditanya sama ada langkah untuk mengadakan mesyuarat Kabinet di Kuching itu ada kaitan dengan pilihan raya negeri Sarawak, yang dijangka diadakan sebelum April tahun depan.

+Kita sudah menetapkan sejak lama supaya mesyuarat Kabinet kadang-kadang diadakan di negeri-negeri,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Lagi.

♥20/05/13-14MST

CNS5530

U GR 20-05 00128 NA839

aah

Mahathir - Kabinet 2 Kuala Lumpur

Jemaah menteri sebelum ini pernah mengadakan mesyuaratnya di luar ibu negara, iaitu di Langkawi tahun lepas ketika pelbagai projek pembangunan dirancang untuk pulau itu.

Mengenai kemungkinan Parti Bansa Dayak Sarawak (PRDS) menyertai kerajaan BN Tiga (Barisan Nasional negeri yang terdiri daripada PRB, SNAP dan SUPP) di Sarawak, beliau berkata: +Kita memang hendak mereka baik bersama-sama (dengan BN)+.

Bagaimanapun, terdapat masalah-masalah tertentu yang perlu diatasi terlebih dahulu, kata Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN.

PRDS adalah parti komponen BN pada peringkat Persekutuan tetapi berfungsi sebagai pembangkang pada peringkat negeri.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata BN memang hendak merapatkan hubungan dengan semua parti termasuk parti-parti lawan. -- Bernama ...

♥20/05/13-53MST